

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Dalam menyambut perayaan Hari Kemerdekaan Indonesia 17 Ogos yang lalu, Presiden Sukarno telah mengadakan satu cara baharu untuk menghadapi kesulitan Indonesia sekarang dengan menganjurkan supaya rakyat hidup sederhana. Orang-orang yang mengetahui kedudukan hidup di Indonesia sekarang tidak mengerti bagaimana yang dikehendaki dengan hidup yang sederhana itu: adakah Presiden mengukur keadaan-keadaan dengan orang-orang perwakilannya di luar negeri atau dengan orang-orang pegawai tinggi yang besar-besar gajinya dan banyak pula mendapat makan suap? Kalau ukuran itu dibuat maka seruan hidup sederhana itu dipandang oleh sebahagian orang tepat kedudukannya. Tetapi kalau melihat kehidupan rakyat jelata umumnya yakni seruan itu ditujukan kepada umat Indonesia, maka keadaan itu adalah berlainan dan menepatilah bagaimana yang difirmankan Tuhan: “Ada mata tidak melihat ada telinga tidak mendengar”. Kerana kehidupan rakyat di Indonesia sekarang sangat menderita, sara hidup tidak cukup, desakan-desakan hidup semakin hebat, dan bermilion-milion yang masih hidup merata dan merata di tepi-tepi jalan. Sebahagian orang pula di Jakarta, dikatakan ada mengatakan, bahawa anjuran Presiden Sukarno dengan “New Life Movement” dalam bahasa Inggeris itu disebut “New Wife Movement”. Apa betul apa tidak - masing-masing boleh lihat sahaja nanti!

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong tatkala bersumpah dengan nama *wallah, wabillah, watallah* baginda akan mempertahankan agama Islam dan dijadikan agama rasmi

bagi Persekutuan Tanah Melayu. Sumpah baginda itu diadakan sesudah perisytiharaan kemerdekaan yang disambut dengan azan di dalam dentuman meriam yang hebat itu. Kedua-dua kejadian ini bagi umat Islam besar ertinya, kerana belum ada satu kejadian yang sebegitu hebat yang meyakinkan bahawa yang demikian sebagai satu seruan menyeru umat Islam di Persekutuan Tanah Melayu khususnya untuk bekerja mengisi kemerdekaan itu dengan menegakkan kalimah Tuhan, kerana bagi orang yang beriman kepada Allah maka kewajipannya yang utama hendaklah menegakkan kalimah Tuhan kerana Tuhan telah mengatakan bahawa “Sesiapa yang tidak menghukum dengan hukum Allah nescaya orang itu fasik, zalim dan kafir”. Pemerintah-pemerintah yang yakin kepada Allah jika tidak menghukum dengan hukum-hukum Allah - begitulah kata Allah - akan menjadi zalim, fasik dan kafir. Oleh kerana itu awaslah! Kerana umat Islam seluruhnya, dengan sempena yang baik itu, mestilah bangun dan bangkit bekerja untuk menegakkan kalimah Tuhan supaya ia nanti tidak bertanggungjawab di hadapan Allah, tidak ditanya mengapa mereka tidak menegakkan kalimah Allah padahal jalan-jalannya sudah terbuka.

* * *

Peristiwa yang timbul sesudah perisytiharaan merdeka ini, khususnya di kalangan pemuda-pemuda UMNO ialah tentangan kepada pakaian Menteri-menteri di Persekutuan Tanah Melayu yang bertopi dengan bulu angsa yang keadaannya hampir-hampir dengan pegawai-pegawai British dahulu. Sebahagian orang memandang bahawa pakaian itu mewarisi pakaian *colonial*

penjajah. Padahal semestinya mulai dari sekarang saki-baki penjajah itu sama ada di dalam pakaian dan sebagainya disingkirkan.

Adakah ketidakpuasan hati ini akan terus menerus atau akan dikikis pula oleh pemimpin-pemimpin UMNO itu sendiri? Tidakkah diketahui, tetapi sebahagian orang memandang bahawa teguran Pemuda UMNO itu memanglah tepat disebabkan orang-orang Melayu ada mempunyai kebangsaan yang molek, yang boleh dibawa ke tengah, cantik dan segak. Mengapa pula kita mesti meniru pakaian yang mirip dengan pakaian penjajah itu, kata setengah mereka itu. Maka itu dalam hal serupa ini kelak hendaknya ada penyelesaian dan janganlah hendaknya ada sentimen-sentimen yang bakal timbul.

* * *

Ada orang mendatangkan satu pertanyaan kepada kita: Bagaimanakah cara mengisi kemerdekaan yang sebaik-baiknya terutamanya tentang pengakuan agama Islam? Soal ini sebenarnya soal yang panjang dan tanggungjawab ulama kita lebih besar dari yang lainnya. Ulama yang dikehendaki dalam hal ini ialah ulama-ulama yang tidak mementingkan maslahatnya lebih besar dari maslahat agamanya. Yang demikian ini mustahak diisi, bukannya lebih diutamakan dahulu dengan mengalirkannya ke dalam jurusan siasah, tetapi yang diutamakan ialah umat diberi pengertian dan diberi faham. Apakah agama Islam itu; adakah agama itu hanya semata-mata untuk sembahyang dan ibadah sahaja; atau adakah agama meliputi masyarakat dan sebagainya. Kalau ulama hanya menyeru umat supaya sembahyang dan meninggalkan kewajipannya bermasyarakat dan bernegara maka sudah terang akuan agama rasmi itu tidak ada ertinya sama sekali bagi perkembangan umat Islam. Ulama-ulama sudah mengetahui bahawa tidak ada satu agama di dalam dunia ini yang mengatur kemasyarakatan lebih daripada agama Islam.

Di dalam Islam diatur semenjak daripada celik mata bangun pagi, cara makan, cara berjiran, cara bersaudara, cara berfamily dan seterusnya cara bernegara, berketua dan sebagainya! Kalau ini diterangkan dan dikembangkan maka sudah tentu ia menjadikan umat Islam itu sebenar-benar umat Wustā, umat yang berbudi baik, berbahasa baik, dan tegas dalam tiap-tiap pengertiannya, ia tidak akan syirik kepada Tuhannya dan ia tidak akan tunduk kepada lain daipada Tuhannya dan ia akan mengorbankan segala-segalanya untuk menegakkan kalimah Tuhannya.

* * *

Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama akan diadakan pada bulan Disember hadapan ini. Di antara tujuan-tujuannya ialah hendak menyelidikki kebudayaan Melayu supaya kebudayaan itu jangan hilang dan lenyap nanti di dalam Malaya merdeka ini. Tujuan ini baik tetapi ada satu perkara yang patut benar diperingatkan: apakah asas bagi penyelidikan kebudayaan yang hendak dihalusi itu? Berhubung dengan agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu ini agama Islam, maka adalah menjadi tanggungjawab ahli-ahli kebudayaan itu sendiri, yang kesemuanya boleh dikatakan orang Islam, menyelidikki perkaitan dan perkembangannya dengan agama Islam. Kalau sekiranya tidak diselesaikan yang demikian ini, maka jika didapati ada kebudayaan atau adat rasmi yang-dijalankan itu berlawanan dengan pengajaran-pengajaran Islam dan peraturan-peraturan hidup yang ditentukan oleh Islam, maka peraturan bermasyarakat yang disusun oleh Islam, maka sudah terang patut ditolak kerana itulah menjadi sangat mustahak di dalam Kongres itu nanti ada orang-orang yang akan memperkatakan perkara-perkara kebudayaan Islam, kebudayaan yang dikehendaki oleh Islam bagi menolong mengadakan satu jalan yang akan dirintis.

Islam mempunyai jalan-jalan yang tersusun dan yang tertentu dan kerana itulah kalau kebudayaan Melayu itu nanti ada tersangkut di dalamnya perkara-perkara yang mendatangkan syirik kepada Tuhan maka yang demikian mustahak dibahas dan dihalusi supaya syirik itu tidak berkekalan hendaknya. Kalau di dalam “senikata” moden sekarang yang dinyanyikan oleh orang kita banyak didapati perkataan-perkataan syirik maka sesudah pada tempatnya yang demikian itu diperkatakan - dijadikan satu misal supaya jangan nanti keadaan terbiar begitu sahaja - tidak diendahkan. Mudah-mudahan ada di antara ahli-ahli kebudayaan itu nanti yang membuat “kertas kerja” yang mengenai Islam dengan seni bunyi, seni syair, yang mengenai dengan kemasyarakatan dalam perkahwinan, adat resam dan pergaulan. Ini semua patut disusun dan diselenggarakan menjadi satu binaan baru mempertahankan yang lama yang tidak. Berlawanan dengan Islam dan mengubah kebudayaan yang berlawanan dengan pengajaran Islam.

* * *

Kenyataan yang tepat dari Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan kenyataan yang jelas dari Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu tentang menjadikan Komunis itu sebagai musuh negara, adalah satu hal yang dijunjung tinggi oleh umat Islam. Majalah Qalam dari dahulu sehingga sekarang dengan tegas mensifatkan, bahawa Komunis itu adalah musuh Islam dan sebab itulah dari satu – ke satu masa dengan tegas menerangkan kepada umat bahawa Komunis itu adalah satu fahaman kebendaan yang menjadi musuh Islam. Pada permulaannya langkah-langkah yang dijalkannya itu dipandang oleh sebahagian orang sebagai alat penjajahan British, tetapi dengan keinsafan yang diucapkan oleh Ketua-ketua Negara itu adalah sekarang menjadikan umat mengetahui bahawa yang hak itu sebenarnya terzahir. Ketegasan

majalah ini mensifatkan Komunis sebagai musuhnya sudah hampir sembilan tahun lamanya adalah tidak berganjak kerana segala tujuan dan dasar yang dijalankan bukan dasar pengertian yang diterbitkan oleh sentimen tetapi dasarnya diasaskan berpandu kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya. Bagi seseorang Muslim tentulah berani dengan tegas akan menyampaikan tujuan –tujuan itu supaya umat jangan tersesat dan supaya nanti di belakang hari tidak menjadi persoalan yang akan ditanya tanggungjawabnya. Kita berharap kerajan Persekutuan akan mengambil ‘ulama-‘ulama dan pemimpin-pemimpin Islam mengadakan suatu permesyuarat untuk menubuhkan suatu peranti anti Komunis dari umat Islam dengan tidak memilih dari mana golongannya, dengan tidak memilih dari mana keadaannya. Anjuran dari pemimpin-pemimpin sekarang menubuhkan front anti Komunis itu sangat mustahak dan tampunglah ulama-ulama progresif yang mengerti tentang selok-belok Komunis itu untuk menjadi pemimpin-pemimpinnya.

Dapatkanlah buku-buku untuk menambah pengetahuan

Tuan/ Puan:

- | | | |
|----|---------------------------|--------|
| 1. | Risalah Allah | 40 sen |
| 2. | Permulaan Agama | 70 “ |
| 3. | Perempuan Islam | 30 “ |
| 4. | Iman Perempuan | 20 “ |
| 5. | Perempuan dan Pilihanraya | 40 “ |
| 6. | Taklid | 60 “ |
| 7. | Qada’ dan Qadar | 25 “ |
| 8. | Berjihad Pada Jalan Allah | 70 “ |

Alamatkanlah kepada:

QALAM

356 & 358, Geylang Road,